

1984

KUALA LUMPUR, 16 MEI (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MENKAJI SEMUA SYARAT PELABURAN BAGI MENINGKATKAN KEMASUKAN MODAL ASING KE NEGARA INI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KAJIAN ITU UMUMNYA TERTUMPU KEPADA USAHA MENARIK PELABUR ASING MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM INDUSTRI-INDUSTRI BESAR DI NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS HEMPENGERUSIKAN MESYUARAT KABINET.

BELIAU BERKATA PADA MASA INI SELAIN KERAJAAN, TIDAK ADA PELABUR TEMPATAN YANG SANGGUP MELABUR MODAL DALAM PROJEK-PROJEK BESAR.

PELABUR-PELABUR TEMPATAN PULA, KATANYA TIDAK MEMPUNYAI TEKNOLOGI SERTA PASARAN YANG DIPERLUKAN.

"OLEH KERANA ITU KITA PERLU TIMBANG TENTANG PERANAN YANG BOLEH DIMAINKAN OLEH PARA PELABUR ASING," KATANYA.

-- LAGI 1496/LK

MAHATHIR-PELABURAN 2 KUALA LUMPUR ***

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PADA MASA INI TERDAPAT SYARAT-SYARAT PELABURAN YANG BEBEZA BAGI PELABUR-PELABUR ASING.

KERAJAAN MEMBENARKAN PELABURAN 100 PERATUS BAGI PELABUR ASING YANG MENDIRIKAN PERUSAHAAN UNTUK EKSPORT, KATANYA.

BAGAIMANAPUN KESELURUHAN SYARAT-SYARAT PELABURAN PERLU DITINJAU UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PELABUR ASING MENANAM MODAL DALAM LAIN-LAIN JENIS INDUSTRI.

PERDANA MENTERI BERKATA, PERUBAHAN ATAU PENGKAJIAN SEMULA SYARAT-SYARAT TERSEBUT TIDAK AKAN MENJEJASKAN USAHA DAN DASAR KERAJAAN BAGI MENINGKAT PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

PENYERTAAN BUMIPUTERA, KATANYA ADALAH DALAM SAHAM TEMPATAN SAHAJA.

-- LAGI 1507/LK

SEBAGAI CONTOH, BELIAU MENYEBUT DALAM SESUATU PROJEK YANG MELIBATKAN PELABURAN \$1,000 JUTA DENGAN PENYERTAAN ASING \$700 JUTA, PEMBAGIAN MENGIKUT DASAR EKONOMI BUKU JALAN DARIPADA PERUNTUKAN \$300 JUTA TERSEBUT.

"KALAU KITA BERPEGANG KEPADA SYARAT LAMA, KEMUNGKINANNYA KITA TIDAK LANGSUNG MENDAPAT PELABURAN," KATANYA.

MENGENAI USAHA MENINGKATKAN EKSPORT BARANG-BARANG UNTUK KEGUNAAN DI NEGARA-NEGARA ISLAM, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SAMBUTAN DARIPADA KALANGAN INDUSTRI ADALAH MEMUASKAN.

MEREKA INGIN MENGUBA BARANG-BARANG TERSEBUT DI PASARAN TEMPATAN DAHULU SEBELUM MENGEKSPORTNYA KE NEGARA-NEGARA ISLAM, KATANYA.

KATANYA, RANCANGAN INI MENANGG MENGANALISA MASA YANG LEBIH PANJANG UNTUK DIKENALKAN. --LAGI 1518/AJ

MAHATHIR-PELABURAN 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN BAHAWA KABINET HARI INI JUGA DIBERITAHU TENTANG KEPUTUSAN KERAJAAN JEPUN MENOLAK PERMINTAAN MALAYSIA BAGI HAK Pendaratan SYARIKAT PENERBANGAN MAS UNTUK MENERUSKAN PERKHIDMATAN KE AMERIKA SYARIKAT.

KAKIBAT MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MENERUSKAN USAHA BAGI MENDAPATKAN HAK Pendaratan ITU DARIPADA KERAJAAN JEPUN, KATANYA.

SEHINGGA PERSETUJUAN ITU DIPEROLEHI, MAS BELUM BOLEH MENGADAKAN PERKHIDMATANNYA ANTARA MALAYSIA DENGAN AMERIKA SYARIKAT.

MENURUT BELIAU SETERAT INI KERAJAAN BELUM LAGI MENINBANGKAN LALUAN LAIN SEPERTI HONG KONG ATAU MANILA. --BERNAMA 1542/AJ